

# UMS lawat I-Shou University, perkasa kerjasama antarabangsa

NST 4.4.2019 13

**GAMBAR  
KENANGAN ...**  
Rombongan UMS  
mengambil gambar  
kenang-kenangan  
bersama ISU. Turut  
kelihatan Prof Dr  
Marcus (dua kiri)  
dan Prof Dr T.K  
Pheng (dua kanan).



**KAOHSIUNG:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperkasakan lagi hubungan antarabangsa dengan mengadakan lawatan ke I-Shou University (ISU), Kaohsiung Taiwan pada Selasa (02 April 2019).

Penolong Naib Canselor merangkap Ketua delegasi UMS, Prof. Dr. Marcus Jopony berkata, lawatan itu antara lain bagi melihat ruang kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua universiti seiring dengan hasrat UMS untuk mempunyai keterlihatan di peringkat global.

"I-Shou University merupakan sebuah universiti swasta yang antara lain memfokuskan bidang perniagaan antarabangsa, perubatan, hospitaliti, pelancongan dan kejuruteraan.

"Universiti yang mempunyai lebih 17,000 pelajar ini membawa konsep industri dalam kampus dan mempunyai hubungan strategik dengan lebih dari 350 syarikat industri," katanya dalam satu

kenyataan di sini pada Selasa.

Prof. Dr. Marcus yang juga Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) berkata, secara dasarnya pertemuan itu menyaksikan kedua belah pihak bersetuju untuk menjalin kerjasama termasuk dalam perkara yang berkaitan program mobiliti pelajar dan kakitangan.

"Ia disambut baik oleh ISU, dan mereka sangat mengalu-alukan kerjasama tersebut.

"Universiti yang ditubuhkan pada tahun 1986 ini juga mempunyai persamaan dengan UMS iaitu universiti yang berkonsepkan kampus hijau.

"Kita harapkan usaha ini dipermudahkan dan segala urusan bagi merealisasikan kerjasama ini akan berjalan lancar," jelasnya lagi.

Pertemuan itu telah dihadiri Naib Presiden Kanan dan Provos ISU, Prof. Dr. Julia Lin; Dekan Kolej Antarabangsa ISU,

Prof. Dr. T. K. Pheng; Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global UMS, Prof. Dr. Ho Chong Mun; dan Timbalan Pengarah PPSKK UMS, Dr. Jakaria Dasan.



**TANDAMATA**  
... Prof. Dr.  
Marcus (tiga  
kanan)  
menyampaikan  
cenderahati  
kepada Prof  
Dr Julia (dua  
kanan).